

13/09/2003

RM500j tingkat tenaga mahir

BAJET 2004 memperuntukkan RM500 juta untuk Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) bagi membantu pelatih institusi kemahiran mendapat pinjaman, dalam usaha menyediakan lebih ramai tenaga kerja mahir dan memenuhi keperluan pasaran.

Ini termasuk Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan institusi swasta terpilih.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebuah agensi khusus ala Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan bagi mengurus tabung berkenaan.

Katanya, syarat pinjaman tabung itu sama seperti PTPTN, iaitu pada kadar faedah pinjaman tiga peratus.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus memberi penekanan terhadap peningkatan kualiti dan kuantiti tenaga kerja mahir dengan menambah kemudahan di pusat latihan kemahiran di seluruh negara, di samping membina pusat latihan baru.

"Sebanyak 25 IKBN baru dengan peruntukan RM245.5 juta akan dibina di seluruh negara yang berupaya melatih 11,000 pelatih dalam pelbagai bidang kemahiran.

"Jumlah itu tidak termasuk 10 institusi latihan baru kendalian Kementerian Sumber Manusia yang berupaya melatih 17,000 pelatih dalam pelbagai bidang kemahiran," katanya.

Kementerian berkenaan juga diberi peruntukan tambahan RM77.5 juta bagi menyiapkan 14 projek sedia ada serta membiayai tiga projek baru.

Kerajaan juga berusaha meningkatkan kemudahan latihan teknikal, Pusat Latihan Kejuruteraan Mesin Computer Numerically Controlled (CNC) yang ditubuhkan di Technology Park Malaysia.

Katanya, pusat itu berfungsi memberi latihan khusus mengenai penggunaan dan reka bentuk mesin CNC untuk kegunaan pelbagai industri, terutama industri komponen dan alat ganti.

Beliau berkata, kerajaan turut meningkatkan fungsi kolej komuniti yang akan berperanan menyediakan latihan vokasional bagi memberi peluang lebih luas kepada belia mendapat latihan kemahiran.

"Sehubungan itu, Pusat Giat Mara akan ditingkatkan sebagai Kolej Komuniti yang memberi penekanan kepada latihan vokasional.

"Selain itu, syarikat milik kerajaan seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia diminta mengadakan latihan teknikal dan vokasional di pusat latihan mereka. Peserta yang mengikuti latihan ini boleh mendapatkan pinjaman daripada TBK," katanya.

Bagi menggalakkan majikan mengambil graduan menganggur yang berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Dr Mahathir berkata, kerajaan mencadangkan perbelanjaan yang ditanggung majikan bagi menggaji graduan itu diberi potongan cukai dua kali untuk tempoh dua tahun.

Bagi graduan menganggur yang memerlukan latihan semula, mereka boleh mendapatkan pembiayaan di bawah Tabung Latihan Semula di bawah Pakej Strategi Baru.